

# Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4

## Dicky tunjuk ketangkasan di luar filem

B. Harian (M)  
-5 DEC 1987

3

KITA sering melihat adegan silat dalam filem-filem purba Melayu dan Indonesia. Pelakon-pelakonna ditonjolkan mempunyai ketangkasan dan kehebatan yang luar biasa dalam ilmu silat masing-masing.

Setiap pergerakan mereka sama ada melompat, menerajang, menumbuk, menepis serta menguasai ilmu kebatinan dan sebagainya cukup meyakinkan, walaupun kita mengetahui ia sekadar lakonan semata-mata. *PERAK/1987*

Sering timbul pertanyaan, apakah pelakon-pelakon itu benar-benar menguasai ilmu persilatan di luar filem? *ARTIS*

Ini kerana kejayaan filem-filem pertarungan kebiasaannya menggunakan teknik helah kamera atau dengan bantuan *stunt-man*.

Bagaimanapun, keupayaan pelakon veteran Indonesia, (Dicky Dzulkarnain) bukan sekadar lakonan di layar perak, malah demonstrasi silat sempena Kejuaraan Silat Sedunia Keempat di Stadium Negara semalam, membuktikan bahawa beliau tangkas bersilat di luar filem.

### Menyerang balas

...Atas itu Dicky berjaya

Oleh ZUBAIRI ZABIDIN

Kelincahannya menarik perhatian ribuan penonton. Ketangkasannya seperti menendang, menepis dan mengelak serta menyerang balas berjaya mematahkan serangan lawan.

Antara penonton yang menyaksikan kelincahan Dicky ialah rakan-rakan artisnya, pelawak dan pelakon Benjamin S, yang tiba di ibu negara kelmarin. Benjamin juga turut membuat demonstrasi silat masing-masing.

Artis tempatan seperti Mokhtaruddin, Zulkifli Zain, Eman Manan dan Tamam Idris, juga tidak ketinggalan diundang mengadakan demonstrasi silat masing-masing.

Kejuaraan Silat Sedunia Keempat bermula 2 hingga 9 Disember ini anjuran bersama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Berita Harian Sdn Bhd, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia dan Pesilat.